

TARIKH	21 / 3 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	14	RUANGAN	HARIAN METRO

TH Travel perkasa pakej melancong sambil beribadat

Selepas mencecah usia 50 tahun, Lembaga Tabung Haji (TH) membuktikan kelestariannya dalam menjadi tunggak memperkasakan ekonomi ummah melalui pelbagai cabang aktiviti ekonomi yang diceburinya, dengan satu daripada aktiviti pelaburannya adalah sektor pelancongan.

Pembabit TH dalam sektor ini bukan sesuatu yang baharu kerana melalui anak syarikatnya, TH Travel & Services Sdn Bhd (TH Travel) yang ditubuhkan pada 1972, mengendali, menguruskan perkhidmatan Haji dan Umrah serta Pakej Pelancongan Muslim.

Berbekalkan pengalaman

lebih 42 tahun dan sejajar dengan kehendak pasaran, TH Travel sejak dua tahun lalu giat memperkenalkan dan menawarkan Pakej Pelancongan Muslim yang kini menjadi trend pelancongan ber-kumpulan serta keluarga terutama pada musim cuti persekolahan.

Terbaharu, TH Travel sedang giat berusaha mempromosikan pakej pelancongan pada musim cuti persekolahan yang akan datang dan menasaskan peningkatan jumlah pelancong Malaysia yang akan ke luar negara pada tahun ini berbanding 2013.

Terdapat beberapa prog-

ram dalam pakej Umrah tahun ini seperti Umrah Bersama Pembimbing Ibadat, Umrah Cinta Rasul, Umrah Ramadan, Umrah Musim Cuti Sekolah, Umrah Ziarah dan Umrah Bai-tulmaqdis.

Berlandaskan slogan 'Ke mana saja destinasi anda ingin pergi, kami akan tunaikan permintaan anda, kerana kami adalah sumber inspirasi anda sedunia', TH Travel mengambil langkah strategik dengan memperkenalkan serta memberi fokus kepada pakej Pelancongan Outbound, Domestik dan MICE.

Sehubungan itu, TH Travel juga mengadakan usaha sama strategik dengan TH Hotel & Residence Sdn Bhd (TH Hotel) bagi mempromosikan Pakej MICE dan Inbound TH Travel.

Buat masa ini, usaha berkenaan dilaksanakan di lima lokasi TH Hotel iaitu TH Hotel Kelana Jaya, TH Hotel Penang, TH Hotel Kota Kinabalu, TH Hotel & Convention Centre Alor Setar, dan TH Hotel & Convention Centre Terengganu.

Pakej Pelancongan Outbound adalah pakej yang menawarkan pelancongan ke luar negara terutama di

Asia, Eropah dan Timur Tengah.

Di samping itu, TH Travel juga giat mempromosi pakej Inbound 2014 sebagai sokongan kepada kerajaan dalam industri pelancongan dan menyemarakkan lagi Tahun Melawat Malaysia tahun ini.

Pada tahun lalu, pelanggan TH Travel mencecah 4,000 orang dan untuk tempoh sehingga akhir 2014 ini, seramai 8,000 pelanggan disasarkan.

Justeru itu, TH Travel tidak melepaskan peluang menyertai karnival pelancongan di seluruh negara seperti Pameran Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembangan Malaysia (MATTA), SMI-

TF dan MASUM.

Menjelang lima hingga 10 tahun akan datang pula, TH Travel menasaskan untuk menjadi syarikat peneraju dalam Pakej Pelancongan Muslim ke seluruh dunia.

Pakej ini juga memastikan makanan yang disediakan di restoran yang dikunjungi di luar negara adalah halal dan mempunyai sijil halal yang dikeluarkan oleh negara masing-masing, di samping panduan serta kemudahan peralatan beribadat seperti sejadah dan kompas disediakan secara percuma kepada pelanggan, manakala waktu solat pelanggan juga sentiasa dijaga.

Selain itu, pakej ini juga menarik perhatian pelanggan bukan Islam kerana pakej yang ditawarkan meliputi semua aspek termasuk kebersihan dan keselesaan.

Oleh itu, TH Travel sentiasa memegang kepada prinsip 3K - Keselesaan, Kemudahan dan Keyakinan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Untuk maklumat lanjut mengenai pakej TH Travel, layari laman sesawang www.ths.com.my atau Facebook/TH-Travel-Services-Sdn-Bhd dan Twitter www.twitter.com/THTStweet.

FAKTA
TH Travel sasar peningkatan pelanggan 50%

ROMBONGAN dari PUSPANITA yang dibawa TH Travel.

